



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Mengenai:

**Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan
Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion**

Mantan Menteri Kewangan II:-

- i. Yang Berbahagia Dato' Seri Hj. Ahmad
Husni bin Mohd Hanadzlah
(Bagi tempoh Mac 2008 hingga Jun 2016)
- ii. Yang Berbahagia Datuk Seri Johari bin
Abdul Ghani
(Bagi tempoh Jun 2016 hingga April 2018)

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 25 SEPTEMBER 2018**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Cik Siti Hajar binti Mohd Taib [Jurubahasa Serentak Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

samb/-

HADIR BERSAMA**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Dato' Haji Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]

Jabatan Peguam Negara

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

YBhg. Dato' Shamsun Baharin bin Mohd Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Parlimen & Kabinet)]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

Jabatan Akauntan Negara

Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas) (Perkhidmatan)]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Encik Khalid bin Mohamed [Timbalan Pengarah I (Seksyen Bajet Pembangunan)]

SAKSI**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

YBhg. Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Mantan Menteri Kewangan II]
YBhg. Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Mantan Menteri Kewangan II]
YBhg. Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]
Encik Suhaili bin Ahmad [Setiausaha Bahagian (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]

samb/-

SAKSI (samb/-)

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik MA. Sivanesan [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung dan GST) – TSBC (CTL)]

Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Bahagian Cukai (Dasar & Pelaksanaan GST) – KS(GST)]

Puan Noor Aidawati binti Hussin [Penolong Setiausaha (Bahagian Fiskal & Ekonomi) – PE (SH)1]

Encik Muhamad Syah bin Ab Raub [Penolong Setiausaha (Bahagian Fiskal & Ekonomi) – PE(SH)2]

Encik Adinan bin Din [Pegawai kepada Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA****Selasa, 25 September 2018****Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.01 pagi***[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, salam sejahtera kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC Tuan Wong Kah Woh iaitu Ahli Parlimen Ipoh Timur, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha PAC yang juga merupakan Setiausaha Dewan Rakyat. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli PAC kerana dapat hadir pada pagi ini. Saya juga mengucapkan selamat datang kepada pegawai-pegawai *ex officio* PAC Parlimen yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara dan Unit Perancang Ekonomi.

Hari ini merupakan lanjutan daripada prosiding PAC yang membabitkan isu tuntutan tunggakan bayaran cukai barangan dan perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion. Hadir memberi keterangan pada pagi ini adalah mantan-mantan Menteri Kewangan II, orang-orang penting dalam Kementerian Kewangan, Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah bagi tempoh Mac 2008 hingga Jun 2016 dan Menteri Kewangan II bagi tempoh Jun 2016 hingga April 2018, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua mantan Menteri Kewangan II ini kerana berkesempatan untuk bersama-sama kita memberi keterangan pada pagi ini berhubung dengan isu yang sedang disiasat oleh PAC. Tanpa melengahkan masa saya ingin memulakan prosiding ini dengan bertanyakan kepada mereka tentang peranan mereka sebagai Menteri Kewangan II berhubung dengan wang di dalam *Consolidated Fund* dan penggunaan wang-wang yang berada di dalam *Consolidated Fund*. Terima kasih ya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Mantan Menteri Kewangan II]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana panggil saya untuk memberi penerangan. *Now*, yang paling penting ialah kita kena tahu komponen di dalam *Consolidated Account*. *They got three components*. Satu ialah kita ada *Revenue Consolidated Accounts* kemudian kita ada Akaun *Consolidated* Pembangunan dan yang ketiga ialah kita ada Akaun Amanah.

Now, ketiga-tiga akaun ini yang kita panggil *Consolidated Account* ini, *the modus operandi for GST refund is basically* kuasa yang telah diturunkan oleh Menteri Kewangan kepada spesifik ahli jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSP. Jadi setiap *revenue* yang di *collect* dari GST secara *gross* akan

dimasukkan dalam *Consolidated Revenue Accounts*, kemudian pada setiap bulan ataupun setiap *quarter* ataupun bila diperlukan maka sebahagian daripada wang-wang ini akan di *transfer* kepada akaun amanah GST yang untuk dipulangkan ataupun *refund* GST.

Jadi proses ini adalah kita panggil *operational process* ataupun *operational matters* yang dikendalikan oleh kakitangan kerajaan yang tidak melibatkan Menteri Kewangan II. Saya tidak pernah terlibat langsung dari segi siapa perlu di *refund* dan berapa banyak *refund*. Ini semua terletak pada budi bicara Ketua Pengarah Kastam dan juga jawatankuasa pengurusan *cash flow* yang dipengerusikan oleh KSP, itu yang saya difahamkan.

Kedua, dalam soal hendak *refund* ini saya mengambil maklum bahawa semua syarikat boleh minta *refund*. Any syarikat yang membayar GST *are entitled for refund*. Akan tetapi untuk *refund* ini dia kena melalui berbagai-bagai proses yang masih saya ingat yang telah di *brief* kepada saya waktu saya menjawat jawatan Menteri Kewangan II selama 21 bulan, iaitu *refund* ini melalui proses dan akhirnya ia akan terbahagi kepada berbagai-bagai kategori selepas syarikat menghantar *refund* tersebut ataupun *claim refund* tersebut. Pertama ialah *refund* yang masih dalam proses semakan.

Kemudian *refunds* yang memang di *acknowledge* tetapi tidak boleh di *refund* kerana syarikat-syarikat yang *request refund* tersebut belum menjalankan perniagaan tetapi telah *incurred* GST dari segi *supply* yang telah dibuat untuk mewujudkan perniagaan. Jadi kalau dia beli segala *equipment*, buat apa segala dia punya *factory* dan sebagainya... [*Berlaku kemalangan air tertumpah di meja saksi*]

Jadi untuk pengetahuan Tuan Pengerusi PAC bahawa *day to day affairs* mengendalikan soal-soal *refund* ini adalah atas budi bicara KSP dan Ketua Pengarah Kastam dan juga ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat dalam proses ini. Kalau mereka ada masalah dari segi soal-soal dasar dan polisi, mereka terpaksa merujuk kepada Menteri Kewangan kerana Menteri Kewanganlah yang mengagihkan kuasa untuk mereka beroperasi di bawah. Mereka tidak pernah pergi *refer* kepada Menteri Kewangan II sepanjang saya. Saya tidak tahu Dato' Seri Husni, tetapi *during my time, they are not*.

Tuan Pengerusi: Ada tidak ketika Menteri Kewangan itu panjangkan arahan melalui Menteri Kewangan II?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak pernah. Tidak pernah sekali dalam masa 21 bulan saya menerima sebarang nota ataupun minit daripada Menteri Kewangan kepada saya untuk melihat perkara-perkara yang telah berlaku dalam soal *refund* ini yang tidak mengikut prosedur. Saya juga tidak pernah menerima sebarang laporan daripada KSP ataupun Ketua Pengarah Kastam dari segi soal prosedur yang tidak dipatuhi.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Datuk Seri, pertama sekali mungkin secara rekod, dari tempoh bila sampai bila Datuk Seri menjawat jawatan MK II? Secara *on record, just for record*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Selama 21 bulan kah, *can't remember the date. Could be somewhere July...*

Tuan Wong Kah Woh: Julai?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: 28 July 2016.

Tuan Wong Kah Woh: Okey.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: 2016.

■1010

Tuan Pengerusi: *My text is June 2016.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Okay, 2016.*

Tuan Pengerusi: Hingga April 2018.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: So, dalam perkara ini, berkenaan dengan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh KSP, jawatankuasa *cash flow* itu, sama ada MK II merupakan salah seorang ahli atau tidak?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak.

Tuan Wong Kah Woh: Tidak.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Minister doesn't get involved in day to day running of the - kita cuma susun dasar dan polisi. We take note about the term of references, we take note about kuasa yang telah diturunkan oleh Menteri Kewangan kepada jawatankuasa ini. Segala prosedur pembayaran balik GST ini perlulah mengikut beberapa garis panduan ataupun prosedur yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan]: Tuan Pengerusi, boleh saya perbetulkan sedikit?

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Bukan jawatankuasa aliran tunai atau *cash flow*, tetapi sebenarnya Jawatankuasa Pembayaran Balik Cukai, *it's a different committee.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Pengerusi, *some clarification. You said* kalau ada apa-apa masalah di peringkat Jawatankuasa Pembayaran Balik GST ini, *they have to refer to...*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Menteri Kewangan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Minister of Finance. Is it the Minister of Finance II?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Minister of Finance.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Menteri Kewangan II, adakah juga...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Termasuk dalam takrifan *Minister of Finance?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak! Kalau kita mengikut susun atur akta yang telah diberi iaitu kuasa diperturunkan oleh Menteri Kewangan kepada jawatankuasa tersebut.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Is there any definition of Minister of Finance?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Minister of Finance* adalah...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Normally* kita tengok dalam sesetengah akta, kalau kata pengarah *is including* timbalan pengarah. So, adakah ini macam itu juga?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Mengikut fahaman saya dalam kita punya Perlembagaan, Menteri Kewangan ialah Menteri Kewangan. Saya minta *legal*, kalau AG boleh beri *definition*, Menteri Kewangan sama dengan Menteri Kewangan II, saya hendak tahulah. Ada?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I, Jabatan Peguam Negara]: Tuan Pengerusi, dia berdasarkan perintah-perintah tugas Menteri yang *determine who is the Minister in charge or Minister responsible*. So, *definitely* dalam kes ini, Perdana Menteri juga disenaraikan sebagai Menteri yang bertanggungjawab berhubung perkara-perkara mengenai kewangan.

Tuan Wong Kah Woh: *I think* soalan di sini adalah sama ada Menteri Kewangan II dimasukkan dalam kategori definisi Menteri Kewangan dalam akta?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Memang dinyatakan tetapi di bawah itu ada dinyatakan pula Menteri Kewangan II. Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan II.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kuasa sama?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: Ya?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kuasa sama?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: Kuasa terpulung kepada Menteri untuk menentukan kuasa-kuasa.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: So, kalau Menteri Kewangan tidak ada menurunkan kuasa, tidak adalah?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: Terpulung kepada pembahagian tugas. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sebab begini Tuan Pengerusi, Menteri Kewangan II bukan Timbalan Menteri Kewangan. *He is* Menteri Kewangan *also, but* Menteri Kewangan II. So, kalau kita tengok *some* akta *for example* Akta Kerajaan Tempatan, *when we mentioned about* Yang di-Pertua *local government, it's including* Timbalan Yang di-Pertua kalau ada. *That is why I ask you*, adakah termasuk...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Soalan ini saya ingat kita minta pandangan AG *because* AG punya *definition* saya hendak tanya, adakah Menteri Kewangan dengan Menteri Kewangan II *same status*?

Datuk Amirudin bin Abd. Rahman: Lebih kurang sama tetapi pembahagian tugas itu kebiasaannya dibuat di antara Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan II. So, sama ada dalam kes ini ada pembahagian tugas yang telah dibuat, saya tidak pastilah.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Sejak saya menjawat 21 bulan Menteri Kewangan II, dia tidak ada spesifik pembahagian tugas. Akan tetapi kuasa yang diperturunkan yang saya tahu dari sudut soal ini ialah kuasa Menteri Kewangan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sebagai contoh Tuan Pengerusi, bajet dibentangkan oleh Menteri Kewangan, tetapi penggulungan bajet oleh Menteri Kewangan II. Itu di Parlimenlah, amalan di Parlimen.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Macam amalan – begitu juga soalan. Soalan di Parlimen dikemukakan kepada Menteri dan Timbalan Menteri boleh jawab.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Bukan Timbalan Menteri. Ini Menteri Kewangan II.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yalah. Maksud saya...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Walaupun bajet dibentangkan oleh Menteri Kewangan tetapi penggulungan bajet oleh Menteri Kewangan II.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya. Maksud saya ialah soalan yang dikeluarkan kepada Menteri tetapi jawapan boleh diberi oleh Timbalan Menteri. Ini bermakna kalau Menteri Kewangan *present* bajet, tidak salah untuk Timbalan Menteri atau Menteri Kewangan II menjawab.

Tuan Pengerusi: Itu *very clear* dalam peraturan dalam Parlimen. Menteri merujuk kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Jadi, yang isu soalan ini saya rasa...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: AG kena buat *definition*.

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi, izinkan saya mungkin membuat satu rumusan berkenaan dengan masalah ini. Sekiranya Datuk Seri boleh bersetuju bahawa *the definition of* Menteri Kewangan mungkin, *may have included* Menteri Kewangan II. Akan tetapi secara praktikalnya dalam isu yang kita bincangkan di hadapan kita ini, segala keputusan berkenaan dengan *GST refunds* ini adalah di bawah bidang kuasa dan dibuat oleh Menteri Kewangan sahaja. Menteri Kewangan II sama ada Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani ataupun Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, kedua-dua sepanjang masa ini tidak terlibat. *So, can I say that?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya. Saya punya pandangan ialah kita tengok balik penurunan kuasa. Kalau kuasa itu diturunkan kepada Menteri Kewangan II, *it has to be specific*. Maknanya dalam soal *GST refund* ini, kuasa itu diturunkan secara spesifik kepada jawatankuasa. *That means specifically in the Act says that* Menteri Kewangan boleh menurunkan kuasa kepada ahli jawatankuasa. Jadi kalau dari segi konteks itu, *that is my opinion*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Datuk Seri, itu bukan yang isu...

Tuan Wong Hon Wai: Soalan saya yang lebih spesifik kerana menurut...

Tuan Wong Kah Woh: *I think Dato' Seri Haji Ahmad Husni have something to add on the same issue.*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Mantan Menteri Kewangan II]: Tuan Pengerusi, saya ingat biar saya tanya TKSP. Kita laksanakan GST April 2015, jadi *for the year 2015* Menteri turunkan *RM80 million* untuk *refund tax credit* bukan? *RM80 million and then 2016 onwards 35 percent of total collections*. Saya hendak tanya, sepanjang jawatankuasa itu sama ada peringkat MoF ataupun *Customs*, ada tidak pernah angkat apa-apa isu kepada Menteri? Sefaham saya tidak pernah fasal GST ini adalah dari segi kuasa Menteri ditetapkan berapa peratus *collect, and then* kalau kita hendak keluarkan, Menteri *decide*. Akan tetapi *it is operational matters. It is nothing to do with policy*. Saya ingat tidak ada.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Sepanjang pengetahuan kami, memang tidak ada.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Memang tidak ada, *never*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Seperti kata Datuk Seri Johari itu betullah, memang tidak ada langsung.

Tuan Pengerusi: Sama ada Menteri Kewangan II itu terlibat tidak dalam pengurusan penggunaan wang dana dalam *Consolidated Fund*?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Dia seperti mana kata Datuk Seri Johari tadi, *Consolidated Account* ini dia ada *two parts*. Satu *the revenue*, satu lagi *expenditure*. *Revenue* ini *from various sources and then* dia punya *expenditure* ialah kos operasi dan kos pembangunan. Ini kita *table* dalam Kabinet, *it is tabled in Cabinet. Not in Cabinet, in Parliament. It's approved in Parliament*. Oleh sebab itu saya hendak tanya soalan kepada Tuan Pengerusi, yang cerita RM19.4 bilion itu apa sebenarnya isu dia? *When it happens?*

Tuan Pengerusi: Yang itu sudah...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Jadi kita lebih jelaslah.

Tuan Pengerusi: Yang itu kita sudah *settled* dengan Kastam. Kastam sudah beri keterangan kepada kami.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tidak. *At least* kita tahulah, saya sebagai Menteri tahulah apa dia punya isu *basically*.

Tuan Pengerusi: *The task of this PAC* adalah untuk mencari keterangan terhadap tuduhan ataupun kenyataan Menteri Kewangan II dalam Parlimen tentang... [*Disampuk*] Menteri Kewangan *present* ini tentang *statement* yang menyatakan bahawa sejumlah wang itu, *initially* RM18 bilion, selepas itu RM19.4 bilion telah disalahgunakan oleh kerajaan. *So*, sebab itu kita memanggil saksi-saksi untuk mencari sama ada disalah guna atau tidak duit itu. Itu merupakan *task* jawatankuasa ini.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Pada saya lebih jelas sekaranglah. Kalau salah guna, dia semua ada dalam bentuk tulisan. Maknanya salah guna itu pergi ke mana.

Tuan Pengerusi: *Exactly, we are trying to find.*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Sebab isunya macam ini, kita sudah *approved* dalam Parlimen, dia ada dia punya perbelanjaan itu. *So*, itulah *ruling* dia. Selepas itu kalau kita ada pinda, katalah kita pindah kepada A, tambahkan A punya perbelanjaan, dia kena bajet tambahan. *That means*, Menteri Kewangan sekarang patut buat bajet tambahan kalau betul-betul digunakan begitu. Itu yang saya maksudkan, lebih jelas kepada saya. Ini kerana kita tidak mahu kita kata RM19.4 bilion *because* ada di situ, kemudian disalah guna. *I don't think* disalah guna *because you imagine* kerajaan punya *financial*, dia ada *four parts*.

■1020

Satu, *preparation of the budget*. Kemudian, *approval of the budget*, di sini di Parlimen *and then, the utilisation of the budget*. Kita guna kementerian *by* kementerian. Selepas itu *monitoring*, itu yang ada Ketua Audit Negara punya *report* itu.

Tuan Pengerusi: Okey, maknanya...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: *It is not something that we can just move here and there.*

Tuan Pengerusi: Maknanya semua penggunaan duit dalam *Consolidated Fund* itu digunakan mengikut *whatever was budgeted for*. Itu yang kita hendak tahu. So bila dikatakan hilang, dirompak, so sebab itu kita kena tanya sama ada KSP rompak kah, Menteri Kewangan I rompak kah, Menteri Kewangan II kah, pegawai kerajaan rompak kah. Itu yang kita hendak cari keterangan ini ya.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Rompak itu *is a word* yang *too strong*. Rompak itu maknanya macam kita ambil keluar daripada kerajaan *RM19 billion*. *It is impossible*. [Disampuk] *It is impossible* bawa itu. Dia kalau duit itu kalau kata kita belanja tempat lain, okey, boleh *tetapi must get the approval of the Parliament*.

Tuan Pengerusi: Kita pertikai juga penggunaan itu.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya hendak tanya kepada Tuan Pengerusi ya, *RM19.4 billion* saya ingat kita ada Kementerian Kewangan, dia ada pecahan dia. *We should know the* pecahan, berapa sudah diproses untuk bayar, berapa sedang diproses, berapa yang baru dimohon. *Can you please* itu? *Let us know better*.

Tuan Wong Kah Woh: *We have been briefed on that*.

Tuan Pengerusi: *We have that already*. Kita sudah dapat keterangan itu.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tak. Untuk saya lah. Sekarang kita berbincang, *better to know*. Kita tak mahu tuduhan-tuduhan *because*, Tuan Pengerusi, *honestly I say, I hope in October, November, December* bila pergi mesyuarat *World Bank, IMF, rating agency* akan tanya negeri-negeri. Jadi bila kita buat *statement* macam ini, dia datang *perception* yang buruk. *The rating agency will ask this question and I really hope* bila pergi nanti, *rating* kita tak jatuh. Kalau jatuh, *it's finish* kita punya ekonomi. *Honestly*, itu yang saya risau itu. Itu pasal bila buat *statement* itu saya risau, saya risau.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Kalau mengikut maklumat yang disediakan oleh Jabatan Kastam Malaysia, sebanyak *RM1.5 bilion* telah diluluskan tetapi belum dibayar, manakala dalam semakan ialah *RM9.6 bilion* yang merangkumi 50 peratus daripada *RM19.4 bilion* tadi dan tiada pembekalan bercukai sebanyak *RM3.9 bilion*...

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *RM3.9 bilion* untuk apa ini?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Untuk ini, yang tiada pembekalan bercukai, *no supplies yet*. Isu pelepasan sebanyak *RM0.9 bilion* dan dalam *investigation* sebanyak *RM3.5 bilion*. Ini sehingga 31 Mei 2018.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Yang belum dibayar *is actually 1.5* lah?

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: *1.5*. Ya, betul.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Kalau macam ini Tuan Pengerusi, saya hendak tanya lagi, *I think it's fair for me to know*...

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah Majlis PAC memanggil kedua-dua mantan Menteri Kewangan II. Jadi izinkan kami untuk meneruskan tugas kami

sebenarnya. Untuk *brief* kepada Menteri Kewangan II itu saya rasa bukan di sini tempatnya. Minta maaf kalau...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tidak, saya macam ini. Faham saya, kalau kita hendak tanya soalan, *we should know the basis of that*. Jadi macam mana kita hendak jawab kalau tanya soalan setakat yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi, apakah tugas kita, sudah habis kita punya cerita.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tak. Saya ada soalan-soalan asas yang ingin saya kemukakan.

Tuan Wong Hon Wai: Biar saya tanya satu soalan spesifik kepada dua-dua Dato' Seri sebagai mantan Menteri Kewangan II. Tadi telah dinyatakan bahawa tiada arahan mengenai GST semua. Saya hendak merujuk kepada Akta GST seksyen 54 di mana penubuhan Kumpulan Wang Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan. Di bawah subseksyen 2, hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri. Di bawah subseksyen 5, Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam kumpulan wang itu.

Sama ada kedua-dua mantan Menteri Kewangan II ini ada menggunakan kuasa di bawah seksyen 54 subseksyen 5 yang sepatutnya GST kena dimasukkan dalam *trust account* tetapi adakah kedua-dua mantan Menteri ada pernah menggunakan kuasa itu ataupun kuasa itu dilaksanakan oleh Menteri Kewangan?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya punya *understanding* ialah bila kita buat itu, *decision has been made. That means made by the Minister. That means for 2015, RM80 million*. Makna dari kutipan itu, *RM80 million* masuk dalam *trust account* itu *and then for the year 2016 onwards, 35 percent of the total*. Itu sahaja itu.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: So maksudnya kedua-dua mantan Menteri tidak melaksanakan di bawah seksyen itu?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: *I think Prime Minister, Minister of MoF*. Pasal pada masa itu kita sudah tahu tidak pada kita...

Tuan Wong Hon Wai: *I mean* bukan Menteri Kewangan II yang melaksanakan kuasa di bawah itulah? Kenalah spesifik.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tak ada.

Tuan Wong Hon Wai: Tak ada. Datuk Seri Johari?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: No.

Tuan Wong Hon Wai: Okey, kedua-dua tidak melaksanakan kuasa di bawah seksyen itu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, soalan tambahan. Yang Berhormat sahabat saya tadi, boleh kita diberitahu apakah peranan Menteri Kewangan II dalam konteks GST ini? Apa peranan dia? Kalau sudah semua Menteri Kewangan, apa peranan Menteri Kewangan II dalam konteks ini ya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Apa-apa isu yang berbangkit soal GST, soal operasi GST yang dikemukakan di Parlimen, kita akan jawab. Kemudian kalau ada isu-isu yang berbangkit soal GST, kalau ada orang buat rayuan *specifically* dia sudah habis *all* dia punya isu dekat Kastam, tak boleh selesai, *and he wrote the letter or they wrote the letter to PM, Finance Minister or* kepada pejabat saya, kalau saya tengok ada kes-kes yang perlu diselesaikan, saya akan bagi minit kepada Ketua Pengarah Kastam untuk maklum kepada saya apa masalah dia. Dari situ kita mencari jalan penyelesaian.

Kalau tak ada, tak adalah *and then* di samping itu dari segi konteks GST ini ialah kita memastikan polisi dan dasar GST ini sentiasa terurus dan kalau ada undang-undang yang boleh kita perbetulkan untuk mencekapkan lagi proses GST ini, kita akan bawa ke Parlimen. *That is* kita punya *role*. *More on* dasar, polisi.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, lanjutan daripada soalan Yang Berhormat Bukit Bendera tadi, mungkin sama ada TKSP boleh menjelaskan ataupun memberi maklumat kepada kami berkenaan dengan – *so now we know* kuasa di bawah seksyen 54 Akta GST adalah dilaksanakan oleh Menteri Kewangan. *So, it is not* Menteri Kewangan II. *That is number one*.

Number two, sama ada kita ada apa-apa minit yang menunjukkan keputusan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan berkenaan dengan kuasanya di bawah seksyen 54 tersebut khasnya pembayaran kesemua wang kutipan GST ke dalam *consolidated account*? *Is there any minutes?*

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: Sebenarnya bukan dalam minit tetapi dalam surat ikatan tabung amanah.

Tuan Wong Kah Woh: *Is there a copy provided to us last round? I think no, right?*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Sekarang kita sudah dapat.

Tuan Wong Kah Woh: Sudah dapat ya? *Okay, thank you*.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Sepatutnya *everybody* ada surat.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Okey, kalau saya boleh tanya susulan kepada jawapan daripada Datuk Seri Johari sebentar tadi. Datuk ada sebut bahawa peranan sebagai Menteri Kewangan II adalah untuk meneliti soal operasi dasar polisi yang dibangkitkan sama ada melalui pertanyaan dan sebagainya. Cuma dalam kes *refund* ini, pernah kah Datuk Seri dikemukakan masalah ataupun kelewatan bayaran balik oleh pihak Kastam ataupun macam mana? Sebab, apa yang digambarkan kelewatan itu ada yang lebih daripada tiga bulan, enam bulan malah bertahun-tahun.

■1030

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Sepertimana apa yang disebut oleh TKSP tadi, dia ada *various stages before the claim has been finalised*. Jadi kemungkinan besar, mana-mana maklumat yang tidak dapat diperolehi oleh syarikat-syarikat atau individu-individu yang membuat *claim* ini kerana maklumat tidak lengkap, mereka tidak faham, jadi bila dia tidak dapat jawapan daripada Kastam dia akan *write a letter* kepada Menteri Kewangan atau kadang-kadang di pejabat saya.

Jadi selalunya kalau saya dapat surat-surat macam itu, saya akan *put a minute* untuk dihantar kepada Ketua Pengarah Kastam untuk *explain why refund has not been made*. Selalunya, maklumat yang

kita dapat ialah kerana tidak lengkap dokumen dan sebagainya maka saya suruh mereka komunikasi dengan syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Dalam ingatan Datuk Seri, berapa banyak maksudnya kes-kes begini?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *I can't remember*, tetapi yang saya ingat ada *one particular case*, ia melibatkan sebuah syarikat yang agak besar iaitu Shell. *The CEO and the Chairman came personally to see me, basically to discuss about the refund premium, refund GST.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tuan Pengerusi, sehubungan dengan Yang Berhormat Johor Bahru, sekejap tadi Datuk Seri menyebut bahawa Menteri Kewangan II *is got nothing to do* dengan GST *or the operation of the GST*. Sekarang ini Datuk Seri sendiri mengesahkan bahawa pernah menerima beberapa rayuan dan sebagainya daripada pihak-pihak tertentu. Oleh sebab kalau daripada awal kita ambil Menteri Kewangan II ini tidak ada kena mengena, so tidak ada relevan kita panggil Menteri Kewangan II. Akan tetapi sekarang ini macam mana? Boleh kita sahkan Menteri Kewangan II memang mempunyai peranan dan juga *power* dalam hal *operation of this GST*?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kita kena tengok dalam konteks soalan. Soalan *you* tanya tadi soalan mengenai *refund*. Jadi *refund* ini *operational matters*, saya punya *reply* memang kita tidak terlibat. Ini diturunkan kuasa kepada jawatankuasa untuk terlibat. Ini soal dia tanya soalan ada atau tidak syarikat-syarikat – betul, kita ada Menteri Kewangan II, kita ada Menteri Kewangan. Kalau mereka tidak boleh selesai masalah dia dengan pihak Kastam, maka sudah tentu dia akan tulis surat kepada kita. Bila saya tengok kalau ada isu-isu yang menyentuh soal dasar sepertimana yang saya sebut tadi, kita bertanggungjawab untuk menyelesaikan. Jadi apabila kita dapat lihat rayuan-rayuan begini datang ke meja saya ataupun ke pejabat saya, maka saya akan uruskanlah.

Jadi dari segi soal dasar, *yes* kita tengok dan kita akan tanya, "*Why are you not returning the refund, 28 days for manual, 14 days for online?*" Jadi kalau dia bagi alasan dia mengatakan empat sebab tersebut, jadi saya suruh mereka berkomunikasi. Itu sahaja, setakat itu sahaja peranan kita.

Kedua, peranan MK II ini ada juga terlibat dengan GST dari segi menjawab soalan-soalan di Parlimen. Kalau kita cakap kita *completely* tidak terlibat dalam GST, *then* kita tidak usah jawab di Parlimen. *So, I think context* ini kena faham, *operational matters* dengan polisi dan dasar. Okey.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Tuan Pengerusi, ada soalan tambahan. Sebentar tadi saya rasa Dato' Seri Haji Ahmad Husni ada menjelaskan bahawa untuk tahun pertama, wang yang diletak tepi dalam akaun untuk bayaran balik sebanyak sekitar RM18 bilion *and then* lepas itu... *[Disampuk]* RM80 bilion, kemudian *35 percent*. Jadi dalam proses tersebut, ada ketika mana bahawa tidak mencukupi *35 percent* itu untuk membayar balik, menyebabkan mungkin berlaku kelewatan ataupun kegagalan untuk membuat pembayaran balik. Cuma dari segi sini, Datuk Seri Menteri Kewangan II sedar ataupun tidak berlakunya *mismatched between 35 percent* tersebut dengan amaun yang terpaksa dibayar balik?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Seingatan saya, kalau ada syarikat-syarikat yang *entitled for refund and then* tidak dapat *refund* kerana dia telah memenuhi semua syarat, dia sudah tentu akan datang

mencari Menteri sama ada Menteri Kewangan ataupun Menteri Kewangan II. *That is the standard procedures any syarikat.* Kalau dia sudah bagi semua maklumat *and then they still* tidak dapat *refund, I am sure they will, as a company* dia akan *appeal* kepada Menteri Kewangan ataupun Menteri Kewangan II.

Akan tetapi sepanjang yang saya sebut tadi, yang seingatan saya, tidaklah menggambarkan semua orang datang kerana ada masalah-masalah yang mereka pun tahu, dia berbalik-balik kepada syarikat tersebut. Kadang-kadang dia tidak memenuhi ataupun Kastam tidak menghabiskan prosedur untuk buat *refund*. Jadi itu yang saya faham dari segi konteks GST ini.

Kedua, kita kutipan GST ini ia macam *continuous*. Oleh sebab ia *continuous*, jadi isu tidak bayar ini tidak wujud kerana kita *always* ada mekanisme untuk membayar kalau sekiranya kelulusan itu telah *complete* dan dia tidak mahu bayar, *then there is always a mechanism how to make sure that all these companies will get their payment.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Datuk Seri sedar atau tidak ada beberapa ketika mana yang *cash flow* itu mengehendkan pembayaran balik pada bulan tersebut? Apabila *cash flow*, kutipan yang diterima itu – sebab ia bergantung kepada kutipan tiap-tiap bulan, jadi adakah wujud situasi yang mana disebabkan *cash flow* bulan tersebut rendah, jadi pembayaran mungkin lewat dan sebagainya?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak pernah dimaklumkan oleh mana-mana jawatankuasa mengenai ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Datuk Seri, daripada penjelasan Ketua Pengarah Kastam dan juga daripada KSP, didapati bahawa sebelum ini, tidak pernah timbul Datuk Seri. Maknanya syarikat-syarikat yang membuat rungutan, maknanya pembayaran balik itu lambat ataupun tidak dibuat pembayaran balik. Kebanyakan yang kita dapati, apabila hasil penerangan daripada Ketua Pengarah Kastam, dikatakan *figure RM19.4 billion* ini banyak daripadanya akaun yang dipertikaikan, sama ada ia tidak mempunyai cukup lengkap dengan dokumennya ataupun tidak mematuhi apa juga peraturan. Ada pula itu *claim* dari tahun 2015 yang baru dibuat pada tahun ini. Maknanya sekarang, sebelum ini tidak pernah timbul soalan orang ataupun pihak Kastam tidak membayar balik tuntutan, sebelum ini. Adakah itu benar?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Sepanjang saya memegang jawatan Menteri Kewangan II, perkara-perkara *operational matters* ini jarang di *highlight* kepada saya.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Masa saya pun tidak ada, lagi pun masa saya jadi Menteri Kewangan II itu, kita laksana GST itu pada 1 April. Jadi bulan April, *the following year* bulan Jun, saya berhenti. Jadi masa saya itu, sebab itu saya tanya *RM19.4 billion* itu tahun berapa? Tahun berapa amaun itu, *so we can know. Then* kalau boleh Tuan Pengerusi, mungkin oleh kerana PAC ini lebih kepada hendak tanya soalan tetapi saya ingat biar saya hendak bangkitkan sini ya. Kita kena buat *ageing process*. Macam katalah yang sudah pun dibayar RM1.5 bilion, *so* kita buat *ageing process*. Maknanya dia sudah proses, berapa lama dia tidak bayar *and then* kita boleh siasat. *Then we know the truth.* Tidak kita tidak boleh buat sembarangan sahaja itu.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada surat ikatan amanah ini. Oleh sebab kalau kita tengok dalam perkara nombor 16, "*Pengawal-pengawal kumpulan wang ataupun pengawal yang diarahkan hendaklah memastikan bahawa tidak berlaku terlebih pengeluaran daripada kumpulan wang ini dan ianya hendaklah sentiasa berbaki kredit*". Dalam bahasanya saya difahamkan iaitu tidak berlaku *overdrawn* dalam keadaan macam ini.

Okey, kalau kita merujuk perkara ini, kita kembali kepada asasnya iaitu prosedur perakaunan GST yang Akta GST 2014, yang prosedurnya jelas iaitu hasil GST, kemudian kepada Kumpulan Wang Amanah dan kemudian baru pergi kepada Akaun Hasil Disatukan. Menteri telah menggunakan kuasa 54(5) itu untuk memperkenalkan amalan yang semasa yang sedang dijalankan iaitu boleh terus kepada Akaun Hasil Disatukan dan boleh dipindahkan 35 peratus itu.

So soalan saya, Menteri telah menggunakan kuasa perkara 54(5) ini dan oleh kerana Menteri menggunakan kuasa itu, maka perkara 16 ini tidak dapat kita elakkan berlaku *overdrawn*. Itulah yang menyebabkan duit itu telah digunakan untuk pengurusan.

■1040

So, sekarang ini soalan yang saya hendak tanyakan kedua-dua Menteri Kewangan II telah mengatakan bahawa dia tidak terlibat dalam perkara ini. Jadi saya takut tidak relevannya kedua-duanya kita panggil pada hari ini sebab kita hendak tengok siapa yang telah menukarkan kepadanya dengan menggunakan kuasa Menteri itu. Akhirnya bila kita tukarkan kepada amalan semasa inilah yang menyebabkan berlakunya duit itu digunakan untuk pengurusan *rather* dengan ditumpukan duit itu untuk mengembalikan kepada pembayar-pembayar cukai yang untuk *refund* itu. Itu soalan saya.

Tuan Pengerusi: Tidak, *I just want to comment on the relevancy*. Kalau kita tidak panggil mereka hari ini kita tidak tahu mereka ada terlibat.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Okey.

Tuan Pengerusi: Jadi ia *chain of evidence*. So, bila kita cakap tentang pengurusan kewangan kita mesti panggil Menteri Kewangan, Menteri Kewangan II, KSP, Jabatan Kastam, *all those in the sector*. So, baru hari ini kita tahu bahawa mereka – ada diberitahu hari itu bahawa mereka – Timbalan KSP ada bagi tahu bahawa mereka ini, MK II ini tidak terlibat. So, *this is a corroboration evidence, it's confirmed today* bahawa mereka dari segi penggunaan GST tidak terlibat dalam pengurusan isu itu.

Jadi ini *the chain of evidences*. Jadi hari ini kita *confirmed* bahawa *they're not*. Kalau katakan bahawa ada wang hilang, salah guna so, *their chain of evidences* itu betul, kita akan panggil Menteri Kewangan supaya mereka katakan di mana sebenarnya kalau ada hilang wang. Bahagian mana yang boleh menyebabkan hilang sama ada Kastam, sama ada kewangan, sama ada KSP, Menteri Kewangan II, *the* Menteri Kewangan dan *the present* Menteri Kewangan. So, *we will hold this evidence*. Soal *relevancy* itu saya rasa okeylah. Hari ini *we find out that they are not directly involved*.

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ada soalan tadi?

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Langat.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Soalan saya tadi maknanya dengan penuh kesedaran kami merasakan bahawa bila kita menukar prosedur kewangan yang menggunakan kuasa Menteri tadi telah menyebabkan terbongkar ataupun terdedahnya penggunaan ini. Adakah kedua-dua Menteri Kewangan II menyedari bahawa dengan menukar benda itu, itulah yang telah menyebabkan duit itu digunakan untuk pengurusan *rather* dengan keutamaannya ialah untuk pulangkan kepada untuk kes *refund* itu?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak faham soalan ini. Soalan *you* saya tidak faham. Adakah *you* mengatakan bahawa GST ini bila di *collect* ia masuk terus masuk Tabung Amanah? *That is what you meant?*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Duit GST *collect gross* ini masuk dalam Tabung Amanah?

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tanya *officer* sebab apa prosedur...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No*, tadi *you* sebut Akta Tatacara yang *you* sebut tadi itu, cuba *you* baca.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Ia sepatutnya daripada hasil GST itu dimasukkan kepada Kumpulan Wang Amanah kemudian baru dipindahkan kepada Akaun Hasil Disatukan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak betul, salah itu. *That is wrong.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya dapat benda ini daripada...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No, your understanding is wrong.* Maksudnya ialah setiap *collection* masuk dalam *Consolidated Revenue Accounts*. Daripada situ diagihkan kepada akaun amanah. Jadi dalam akaun amanah itu sekiranya berlebihan dalam akaun amanah itu maka Menteri boleh gunakan kuasa patahkan balik duit itu dalam *Consolidated Revenue Account*.

Akan tetapi, kalau katakan tidak ada lebih ia tidak boleh gunakan benda itu. Macam kita hendak tutup akaun 31 Disember. Kalau ada RM2 bilion, RM3 bilion *extra* yang tidak dipulangkan sebagai *refund* maka hendaklah duit itu kuasa Menteri sahaja boleh pindahkan duit itu balik kepada *Consolidated Revenue Account, not total collection of GST* pergi kepada akaun amanah, *that is not. So, I think we have to get it clear that one.* Kalau tidak nanti nampak seolah-olah duit *collect* daripada tabung amanah, daripada situ kita bagi masuk dalam akaun *Consolidated Fund then* belanja. Itu salah.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya kedua-dua mantan MK II. Maksud daripada jawapan tadi, adakah semua GST *gross*, kutipan GST *gross* itu boleh dianggap sebagai hasil kerajaan?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kalau ikut prosedur, kalau ia tengok semua dalam kita punya tatacara kewangan, apa sahaja duit yang masuk dalam *Revenue Account is considered a revenue to the government. Then*, apabila kita *allocate* sebahagian daripadanya mengikut daripada nasihat atau jangkaan

yang telah dibuat oleh pihak Kastam diagihkan ke dalam tabung amanah maka kita akan bawa keluar tabung amanah.

Jadi, *whatever that left in the account is actually government revenue nett*. Oleh sebab itu kalau kita tengok dalam kita punya pembentangan bajet. Kita tengok *revenue* daripada GST RM42 bilion *but in actual fact* kalau kita tengok *the real gross is actually higher than that*. So, you kena understand. We don't present gross in our budget, nett. Begitu juga, LHDN pun sama, is nett.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: So, dalam lain perkataan sekarang *you only taking the nett?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: So, Datuk Seri... [Disampuk]

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, saya pun... [Disampuk] Sekejap, biar Ahli dulu, sekejap ya. Saya pun *confused* macam Yang Berhormat Hulu Langat juga sebab *we were given this chart*. [Sambil menunjukkan dokumen] Ini mengikut Akta GST 2014, hasil ini masuk kepada Kumpulan Wang Pembayaran Balik GST. Lebihan baru ia masukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Itu *according to GST Act 2014*.

But, the practice now from hasil GST terus masuk ke Akaun Hasil Disatukan sebagaimana Datuk Seri sebutkan tadilah. So, which one is in accordance to law?

Tuan Pengerusi: *I think this one* sudah dijelaskan.

Beberapa Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, itu macam berbeza pula daripada ini.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Berbeza, masuk dalam *revenue*.

Tuan Pengerusi: Akta GST *allows that*, tapi kita gunakan kewangan, gunakan Akta Kewangan.

Datuk Siti Zauyah binti Md Desa: *Financial Procedures Act*, kita guna itu.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Financial Procedures Act*.

Tuan Pengerusi: *Financial Procedures Act. So, the Financial Procedures Act supersedes the GST Act. That is what happened.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Cuma kalau boleh Tuan Pengerusi, kalau soalan itu ditujukan sama kepada Dato' Seri Haji Ahmad Husni sebab untuk Datuk Seri Johari, Datuk Seri mengambil alih sebagai Menteri Kewangan II pada Jun. Maksudnya perkara itu telah diamalkan cuma pemahaman Menteri Kewangan II ketika pelaksanaan GST itu macam mana? Dalam soal sama ada kutipan itu dimasukkan dalam Kumpulan Wang Amanah seperti...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Macam kata...

Tuan Wong Kah Woh: Tuan Pengerusi, mungkin izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk memperjelaskan status sekali lagi dan juga berkenaan dengan kenyataan daripada Datuk Seri Johari tadi.

Seksyen 54, Akta GST, seksyen 54(1) menyatakan bahawa Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai GST hendaklah ditubuhkan dan subseksyen 2 menyatakan kesemua wang yang telah pun dikutip hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang bagi pembayaran balik ini.

Subseksyen 5 menyatakan bahawa Menteri boleh memberi arahan supaya pembayarannya dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan. *That's why, it comes with this chart* yang mana secara undang-undangnya, ia patut dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Pembayaran Balik dan selepas itu dipindahkan kepada *Consolidated Fund*, Akaun Kumpulan Wang Disatukan.

Akan tetapi, Menteri telah pun menggunakan kuasanya di bawah subseksyen 5 dan membawa satu amalan yang mana hasil GST adalah dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan seperti yang dinyatakan oleh Datuk Seri Johari tadi dan 35 peratus ataupun satu peratusan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa hendaklah dipindahkan ke dalam Akaun Wang Pembayaran Balik GST.

So, both are the legal position. Just that Akta GST kata *the legal position is* masuk ke dalam Kumpulan Wang Pembayaran Balik dulu, tetapi Menteri menggunakan kuasa di bawah subseksyen yang sama untuk memasukkan ke dalam *Consolidated Fund* terlebih dahulu. Setuju tidak?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Setuju.

Tuan Wong Kah Woh: Setuju, *thank you. So, I think it is clear. The previous position is clear.*

Tuan Pengerusi: Ada tidak dasar kerajaan yang di luar daripada bajet yang menggunakan – ada implikasi kewangan yang menggunakan wang dalam *Consolidated Fund* berlaku?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ada. Perkara-perkara yang melibatkan komitmen kerajaan iaitu kalau kita ada emolumen yang perlu dibayar dan ia terlebih daripada bajet.

■1050

Maka, kita boleh gunakan duit itu untuk bayar emolumen. Kemudian kita kena *present* balik kepada Parlimen untuk *supplementary budget. This is our commitment, emolument, pension, interests, cost. These are what we have to present. Then*, dalam masa yang sama kita juga boleh pakai *approximately about 1.5 billion* yang kita panggil *contingency fund*. Dalam bajet kita akan buat ada *1.5 billion contingency fund, but for this contingency fund we have to go back to Parliament* untuk bentangkan *what do you spend on that 1.5 billion. Itu for the OE, for DE is about 2 billion and* untuk akaun pinjaman itu *you have to go back to the Parliament and tell what you have spent on that 2 billion.*

That is the reason why every year you mesti ada at least satu pembentangan bajet tambahan. It actually to explain how do you spend that 1.5 and 2 billion assuming the rest are same as per budget.

Tuan Pengerusi: Okey. Pengalaman sebagai Menteri Kewangan II. *Quite some time*, dua tahun lebih. Ada tidak kemungkinan dana dalam *Consolidated Fund* ini di *abuse*? Disalahgunakan?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kalau ikut prosedur tidak boleh digunakan dan menjadi satu kesalahan. Kalau mana-mana kakitangan kerajaan mengeluarkan duit itu tanpa mengikut prosedur ini ia merupakan satu kesalahan dari segi akta perakaunan negara.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Itu Tuan Pengerusi, setiap tahun Ketua Audit Negara dia buat laporan. *That* laporanlah.

Tuan Pengerusi: Ada soalan lain?

Tuan Wong Kah Woh: Ya. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pembayaran balik dalam masa 14 hari. Tadi apabila TKSP tunjuk satu carta kepada Dato' Seri Haji Ahmad Husni berkenaan dengan berapa peratusan yang masih dalam semakan, yang masih dalam siasatan dan ada isu tidak dibayar balik kerana isu pelepasan dan sebagainya. So, total jumlahnya setakat *I think sometime in May or June* ialah sebanyak *19.4 billion*. Isu yang dibincangkan ini. Daripada prosiding yang kita telah jalankan sebelum ini kita boleh merumuskan bahawa lebih kurang 70 peratus atau lebih daripada jumlah itu telah menjadi wajib dibayar. Walaupun dia termasuk dalam kategori-kategori yang tidak sama.

So, it's around 70 percent, it must be paid, but it has not been paid within that 14 days. So, isu yang saya hendak tanya di sini adalah sama ada kedua-dua mantan MK II ada mengetahui bahawa dalam mana-mana mesyuarat atau mana-mana arahan telah pun diberikan oleh mana-mana pihak termasuk MK ataupun MK II ataupun jawatankuasa pembayaran balik GST itu telah pun meng-authorise-kan supaya 14 hari tu dilewatkan pembayarannya kepada mereka yang patut menuntut, yang patut mendapat tuntutan tersebut?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Kah Woh: *Maybe just record on the hansard lah.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak pernah mengarahkan *purposely we delay the payment.*

Tuan Wong Kah Woh: *Are you aware any such instructions from MK or Jawatankuasa?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Not that I'm aware of.*

Tuan Wong Kah Woh: *Okay. Thank you.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya hendak ucap tahniah kepada kedua-dua mantan Menteri yang telah menjalankan tugas dengan begitu bagus sekali, yang terhebat. Terima kasih banyaklah. *[Ketawa]* Akan tetapi, dalam masa menguruskan kewangan negara ini maknanya apa juga *revenue* yang kita dapati dimasukkan dalam *Consolidated Fund* selepas itu diagih-agihkan kepada semua, sama ada kepada kementerian, kepada agensi-agensi dan juga kepada negeri-negeri.

Semua pengagihan ini adalah mengikuti daripada apa yang telah dibajetkan oleh Parlimen. Betul? Ada tidak dalam keadaan-keadaan tertentu kita terpaksa membelanjakan kewangan kita dalam perbelanjaan luar jangka? Kita terpaksa menggunakan wang yang sepatutnya kita peruntukan kepada agensi dan kementerian yang lain. Ini kerana dia orang ini kena belanja serta-merta.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Setahu saya tidak ada. Ini kerana kita, mana-mana perbelanjaan yang telah dibajetkan kepada kementerian-kementerian itu dia punya peruntukan. Cuma kita ada *that 1.5 billion* yang saya panggil *contingency fund* itu sebab kalau ada mana-mana bencana berlaku dan sebagainya, *immediate payment need to be made, that 1.5 billion we can use*. Macam dahulu ada *MH370 and we need to go and do a search. So, some of this money because* Kementerian Pengangkutan

sudah habis bajet, tidak ada duit. *So, we can use part of this contingency money and bayar untuk kementerian tersebut.*

Akan tetapi, apabila kita buat bajet tambahan kita kena *present and explain to the Parliament, how do you spend that 1.5 billion. That means* kita bagi *additional budget* kepada Kementerian Pengangkutan. Itu contoh. *So, that 1.5 billion itu is actually the contingency fund.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dalam erti lain perkataan maknanya apa juga kewangan yang telah dibajetkan oleh Parlimen, *the money is there?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yes.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Macam mana pula yang telah dibuat, apa yang dituntut, apa yang telah di *claimed* daripada Menteri Kewangan, *there is no money?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak pernah dengar pula cakap *no money. No one come and see me* tidak ada duit sebab kita tidak pernah lewat bayar *farmers*, subsidi. Saya tidak pernah dengarlah. Akan tetapi, kalau *you* cakap *no money* ini, *I want to know* lah *because* Kementerian Kewangan bertanggungjawab untuk cari duit ya. Kalau tidak cukup duit, kita pinjam.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *I just want to know from both of you, have done a very good job. To what extent the external damage that is claimed by the Minister that the money is missing somewhere?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya macam Dato' Seri Haji Ahmad Husni sebut tadi, duit ini 19 bilion dia tidak boleh keluar daripada sistem macam itu. Dia mesti – *because* dia ada banyak prosedur. Dia melibatkan banyak kakitangan kerajaan yang terlibat, *every dollar you* hendak bawa keluar. *This is not like money* yang kita letak dekat *overseas* yang *only one or two people can handle. This is money that actually in the Consolidated Fund. It got so many levels of people to get involve in order to take the money out. So, saya* rasa kemungkinan besar, *I think* isu ini telah di *taken out of context*. Kemungkinan besar Yang Berhormat Menteri Kewangan yang ada sekarang ini, dia melihat dari segi *angle* kedudukan kewangan apabila kita tidak ada pendapatan yang cukup.

Akan tetapi, saya rasa *if you really sit down with him I don't think he wants to tell you that 19.1 billion* dah kena hilang. *So, it is* konsep yang telah dipolitikkan di antara kedua-dua belah pihak. Itu sahaja. Itu pandangan sayalah. Secara peribadi itu pandangan saya. *Impossible for someone to allow 19.1 billion out from the government without even one* kakitangan kerajaan terlibat, *impossible*.

Tuan Pengerusi: Timbalan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *GST is history already, GST.* Tidak ada lagi. Akan tetapi tuntutan *is still on going*. Pada tahun pertama, tuntutan mungkin dekat-dekat 30 tetapi semakin meningkat 2016, tahun 2017, selepas itu tahun 2018. Walaupun kita bajetkan *not more than 35 percent out of the total gross* yang kita dapati.

Akan tetapi, adakah pandangan Datuk Seri bahawa peniaga-peniaga telah mula belajar cara menipu. Ini kerana selama ini pun sistem-sistem yang lain ada cara dia penipuan kerana ada kes-kes penipuan yang berlaku kerana bukan sahaja sekarang, ada tuntutan yang syarikat tidak wujud pun tetapi

tuntutan dibuat. Jadi, ada tidak agaknya kemungkinan ada lagi perbelanjaan yang diperlukan untuk tuntutan ini?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah macam mana hendak menipu sebab saya tidak pernah tipu. Akan tetapi yang saya tahu ialah sebab saya sendiri terlibat dalam dunia perniagaan sebelum saya memegang jawatan ini. Sehingga hari ini syarikat-syarikat yang saya kuasai masih *submit refund GST* sebab waktu dahulu saya ada *work in progress, finished goods, raw materials*.

■1100

These are all items yang kita sudah beli, kita simpan dalam *warehouse* untuk *production*. Jadi semua barang-barang yang saya beli ini, *finished goods, work in progress, raw material*, saya sudah bayar GST, syarikat saya sudah bayar GST. Kemudian saya tidak boleh *claim* sebab kita belum jual. Jadi apabila saya jual RM100 million, maka saya boleh *claim GST only for that RM100 million cost*, yang lain saya tidak boleh *claim*. Akan tetapi bila GST *stop* maka semua yang ada dalam *warehouse* saya ini *automatically entitled to claim because that I had spend*. Jadi dia punya *flow* itu telah *disrupt*.

Begitu juga waktu kita mula-mula *implement SST*. Masa kita guna SST kemudian bila kita tukar kepada GST, maka ada stok-stok mereka ini yang mereka sudah bayar SST. Jadi apabila dijual, masuk dalam rejim GST, maka dia terpaksa *charge GST* tetapi kita bagi dia *claim*, ada *certain period of time* kita bagi dia *claim SST* yang dia sudah bayar kerana bila dia jual, dia kena *charge GST*.

So, this transition period is normal in any policy yang kita tukar. Jadi soal dia ialah peningkatan ini yang orang minta *refund claim* ini *you cannot avoid because the total economy size of the nation is 1.3 trillion. Assuming 800 billion are actually associated with the cost, the real cost, there will be GST inside there*. Bila ada GST *inside there*, *there will be an input and output tax*.

So, I think the context ini sebenarnya kita melalui satu proses yang kita panggil *transition period. Changing of the policy*. Begitu juga macam mana kita *introduce GST* dulu, SST kepada GST, *there is also a transition period. That transition period we need to manage. Same thing like GST, transition period* ini kita *need to manage*, ya.

Tuan Pengerusi: Ada soalan lagi?

Tuan Wong Kah Woh: Tan Sri, ada dua soalan terakhirlah dari saya. *So, I will ask the first question then after you answer I give the second question. So, saya* hendak dapat pengesahan daripada Datuk Seri Johari bahawa tadi ada menyatakan bahawa wang yang dikutip akan dimasukkan secara *gross* dalam *Consolidated Fund*. Akan tetapi seingat saya apabila Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar memberikan penerangan, beliau menyatakan bahawa wang yang dikutip hanya secara *nett* akan dimasukkan ke dalam *Consolidated Fund, so can you just reaffirm your position on that?*

Tuan Pengerusi: *I think the answer from Tan Sri was they only use nett.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *For the... [Tidak jelas] purposes.*

Tuan Pengerusi: *They only used money in the Consolidated Fund on nett value only, so that means they can only use 60 percent of whatever collected from Income Tax and GST. That was the statement about.*

Tuan Wong Kah Woh: *Correct Tuan Pengerusi, I agree.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Yang Berhormat Ipoh Timur, this is a very detail operation matter because I tak hendak bagi you a wrong information. I have to be fair to you and you have to be fair to me, that I'm not – I cannot give you the clear answer, the detail accounting part of it but I know for sure that every GST collected is gross and from there, there will be a committee to decide how much money need to be transfered to akaun amanah, refund. That I'm very sure that part, during my time, ya. Other than that, whether how you do it I can only confirm when you look at our budget every year there is always nett of that.*

Tuan Wong Kah Woh: *Okay, thank you. I think it's very clear on that, clarification by the Chairman. Next question on top of this, okay masalah sekarang we all know that wang yang di-transfer-kan ke dalam akaun amanah tersebut adalah tidak cukup untuk menampung pembayaran balik. So, my question is in that case, do you agree with me that there are some portion of the GST collection which are supposed to be the refund, which are supposed to be used for the refund purpose has been used by the government, the then government as revenue for the operation?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Yang Berhormat, dari segi konteks ini sama ada refund itu cukup atau tidak, ia bergantung pada pengesahan Kastam bahawa that claim ready to be paid. Akan tetapi ikut daripada rekod yang sedia ada tidak pernah dalam akaun amanah itu, baki dia zero balance. Baki dia at any time I saw is one billion, 800 million. So, what I want to share to you is this, the detail part of this is I want to leave the KSP, pihak Kastam dan AG to answer, but I want to tell you the big picture, the dasar ataupun polisi yang saya tekankan bahawa dalam GST trust account untuk refund ini belum pernah lagi saya tengok dia kosong, balance.*

Tuan Wong Kah Woh: *I think untuk balance dalam GST trust account itu, I think no allegation that the amount has been shown a zero lah. Akan tetapi masalah adalah amount yang berada di dalam pembayaran balik akaun GST itu, sama ada 500 million or 1 billion or something like that adalah tidak cukup untuk menampung pembayaran yang sebenar-benarnya, which is amounting to perhaps RM19.4 billion and from the briefing that we had earlier on, the figure until now could be more than RM20 billion. I think that is the position.*

Tuan Pengerusi: *Okey, saya rasa setakat itu. Saya rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada mantan-mantan Menteri Kewangan II kerana berkesempatan untuk hadir memberikan keterangan. Saya yakin keterangan yang diberi ini akan berguna kepada kita di PAC untuk membuat rumusan terhadap isu yang sedang kita siasat. Terima kasih banyak-banyak, terima kasih kepada semua yang terlibat.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Terima kasih kepada semua Ahli-ahli PAC. Alright, thank you.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.07 pagi]